



Asalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya laman web rasmi Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah berjaya dilancarkan. Laman web ini amat penting dalam memperkenalkan fungsi, peranan, aktiviti serta tugas dan tanggungjawab Jabatan Perikanan Negeri Selangor kepada semua pihak. Selaras dengan zaman teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini, laman web ini boleh dijadikan sebagai medium komunikasi antara jabatan dengan golongan sasaran serta sumber rujukan yang bermanfaat kepada semua pihak samada secara langsung atau tidak langsung. Bagi memudahkan sebarang urusan, direktori pegawai dan kakitangan jabatan ini telah disediakan bagi meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan jabatan.

Jabatan Perikanan Negeri Selangor sentiasa mengalu-alukan segala aduan, cadangan dan pandangan yang membina dari semua golongan untuk memantapkan lagi laman web ini demi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada semua pihak. Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pengunjung laman web ini dan semoga laman web boleh dijadikan salah satu wadah perkongsian maklumat yang terkini jabatan kepada semua pihak. Selamat melayari laman web Jabatan Perikanan Negeri Selangor

Azlisha bin Ab Aziz,

Pengarah Perikanan Negeri Selangor.